

**JENIS-JENIS SENI KALIGRAFI ARAB SEBAGAI HIASAN  
DI MASJID-MASJID DAERAH DI SABAH**  
***TYPES OF ARABIC CALLIGRAPHY AS ORNAMENTATION IN REGIONAL  
MOSQUES IN SABAH***

**Saini Ag. Damit<sup>1</sup>**  
**Bambang Muhamad Rafadi Yusoff<sup>2</sup>**  
**Noorafini Kassim<sup>3</sup>**  
**Nor Ain Manap<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>SMAN Kunak, Sabah, Malaysia.

<sup>3&4</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*saini@ums.edu.my; noorafini@ums.edu.my; ain@ums.edu.my*

Tarikh diterima: 12 Julai 2021 / Tarikh dihantar: 14 September 2021

---

### **ABSTRAK**

Seni kaligrafi Arab atau seni khat adalah khazanah tertua di dunia yang dimiliki oleh umat Islam. Sejarah telah membuktikan perkembangannya seiring dengan perkembangan tamadun Islam yang mempunyai kedudukan tinggi dan mulia berikutan hubung kaitnya dengan ayat al-Quran. Masyarakat Islam di Sabah masih kurang mengetahui jenis-jenis seni kaligrafi Arab yang menghiasi masjid-masjid di negeri ini. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis kaligrafi Arab yang menghiasi masjid-masjid daerah di Sabah. Kajian lapangan dijalankan seperti mengunjungi masjid-masjid dan mengambil gambar seni kaligrafi Arab menggunakan kamera yang kemudiannya dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif. Sebanyak 17 buah masjid daerah yang telah dikaji. Antara jenis-jenis kaligrafi atau khat utama yang dikenal pasti dalam masjid-masjid tersebut ialah *Khat Thuluth* (94.1 peratus), *Khat Nasakh* (5.8 peratus), *Khat Dīwānī* (5.8%) dan *Khat Kūfī* (5.8 peratus). Selain itu, terdapat juga khat tambahan seperti khat *Ruq'ah/Riq'ah* dan *Khat Fārisī*. Hasil kajian ini berjaya mencapai objektif yang dinyatakan dan pengetahuan jenis-jenis kaligrafi yang diperoleh dapat memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat Islam di Sabah.

**Kata kunci:** Seni, kaligrafi, Arab, jenis, masjid daerah.

### **ABSTRACT**

*Arabic calligraphy or khat is the oldest treasure in the Muslim world. History has proven its development in line with the rise of noble Islamic civilization due to its relationship with the verses of the Quran. However, there is a lack of awareness in the Muslim community of*

*Sabah regarding the types of Arabic calligraphy that adorn the mosques in the state. The purpose of this study was to identify the types of Arabic calligraphy in selected regional mosques in Sabah. Among the field studies that were carried out include observing Arabic calligraphy in the selected mosques and recording them in the form of photographs which were later analyzed qualitatively and quantitatively. A total of 17 regional mosques have been observed for the study. Among the main types of Arabic calligraphy or khat identified in these mosques were Khat Thuluth (94.1 per cent), Khat Nasakh (5.8 per cent), Khat Dīwānī (5.8 per cent) and Khat Kūfī (5.8 per cent). Furthermore, there are also additional calligraphy types such as Khat Ruq'ah/Riq'ah and Khat Fārisī. The outcome of this study succeeded in achieving the stated objective, hence, the knowledge regarding the types of calligraphy observed can provide a deeper understanding of khat to the Muslim community in Sabah.*

**Keywords:** *Art, calligraphy, Arabic, type, regional mosque.*

## PENGENALAN

Seni kaligrafi merupakan salah satu daripada kesenian yang cantik yang lahir dan berkembang dalam penulisan Arab dan terkandung dalam ruang lingkup peradaban Islam. Setelah kelahiran Islam, penulisan Arab telah memasuki tahap perkembangan yang begitu cepat. Sekitar abad pertama dan kedua selepas hijrah Rasulullah SAW, khat merupakan ciri untuk memperindahkan sesuatu penulisan. Melalui khat, sesuatu maksud bahasa dapat diungkapkan. Khat juga turut menjadi unsur asas daripada cabang-cabang kesenian yang masih terpelihara hingga hari ini bagi meneruskan keunikannya sebagai suatu warisan kesenian Islam (M. Ugur Derman, 1990). Boleh dikatakan bahawa seni kaligrafi Arab atau khat ini juga merupakan satu bidang yang paling tinggi pencapaiannya dalam kesenian Islam, sejak turunnya wahyu yang pertama kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan kepentingan seni kaligrafi khat semakin jelas kelihatan dalam kehidupan umat Islam (Ridzuan Hussin *et al.*, 2017).

Seni kaligrafi Islam atau seni khat adalah khazanah tertua di dunia yang dimiliki oleh umat Islam. Kaligrafi merupakan satu kesenian penulisan yang digunakan secara meluas dalam penjilidan naskhah al-Quran, manuskrip dan kitab-kitab berkaitan Islam (Mursyidah Zainal Abidin *et al.*, 2016). Kaligrafi Islam lahir dalam dunia dan masyarakat Arab dengan berkembangnya seni menulis huruf-huruf Arab dalam bentuk yang pelbagai yang dipanggil khat. Kaligrafi merupakan sebuah karya seni dalam bentuk tulisan yang mempunyai bentuk dan perincian yang sangat indah. Dalam bahasa Arab, kaligrafi disebut khat, yang boleh didefinisikan sebagai “dasar garis”, “coretan pena”, ataupun “tulisan tangan”. Kaligrafi (tulisan atau garis) juga memberi maksud tulisan yang indah

(*al-kitabah al-jamilah* atau *al-khat al-jamil*). Seni kaligrafi khat dapat dihuraikan pengertiannya dalam dua huraian, iaitu secara etimologi (bahasa) dan juga secara terminologi (istilah).

Menurut pengertian secara etimologi, kata khat lebih popular dan dikenali dengan seni kaligrafi Islam yang berasal daripada bahasa Yunani iaitu *kaligraphia* atau *kaligraphos*. Perkataan ini merupakan gabungan dua perkataan “*Kallos*” yang bermaksud indah dan “*grapho*” pula bermaksud tulisan (D.A. Girling, 1978). Berdasarkan gabungan dua perkataan ini, dapat dilihat bahawa kaligrafi mempunyai dua unsur utama iaitu tulisan (aksara) dan juga unsur keindahan (nilai estetik) (Laily Fitriani, 2012). Menurut *Kamus Dewan* (1989) dalam Makmur dan Buchari (2015), kaligrafi didefinisikan sebagai “seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni; khat”. Selain itu, ia juga disebut sebagai *Fann al-khat* yang membawa maksud memperhalus tulisan atau memperbaiki coretan (Ilham Khoiri, 1999).

Menurut pengertian secara terminologi atau dari segi istilah pula, seni kaligrafi diertikan sebagai sesuatu yang halus dan indah lagi menyenangkan hati serta perasaan manusia, apakah ia merupakan hasil ciptaan Allah SWT ataupun yang dihasilkan oleh fikiran, kemahiran, imaginasi, dan perbuatan seorang manusia (Abdul Ghani Samsudin, 2001). Selain itu, Ibnu Khaldun dalam bukunya *al-Muqaddimah* mentakrifkan kaligrafi adalah lukisan dan bentuk *harfiyah* (huruf) yang menunjukkan kepada kalimat atau perkataan yang mengisyaratkan apa yang terbuku dalam jiwa (Makmur & Buchari, 2015). Menurut Ibrahim ibn Muhammad al-Shaybāni pula, beliau mengatakan bahawa khat adalah lidah kepada tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan dan khazanah pelbagai masalah kehidupan (Aiman Abdul Salām, 2002).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Sabah kaya dengan seni kaligrafi Arab dalam pelbagai bentuk dan jenisnya yang menjadi hiasan khususnya di masjid, surau, rumah dan sebagainya. Namun, masyarakat Islam di Sabah masih kurang memahami keindahan jenis-jenis seni kaligrafi Arab yang tertulis dan tersergam indah di masjid dan surau walaupun keindahan seni kaligrafi ini dapat menarik jiwa mereka merasai keindahannya yang menjadi salah satu tarikan dakwah kepada masyarakat. Kepelbagaian bentuk seni kaligrafi ini menunjukkan kayanya seni khat Arab yang menjadi warisan seni kaligrafi Islam. Namun demikian, kepelbagaian seni ini tidak dijelaskan dengan terperinci untuk tatapan masyarakat yang ingin tahu jenis dan bentuk seni kaligrafi tersebut.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji jenis-jenis seni kaligrafi Arab yang menghiasi masjid-masjid daerah di Sabah dan menampakkan keindahan seni kaligrafi Islam yang menarik dari segi kepelbagaian bentuknya dengan tujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang jenis-jenis seni kaligrafi Arab dan keindahannya, khususnya di Sabah.

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di masjid-masjid daerah di Sabah. Sebanyak 17 buah masjid daerah di Sabah menjadi tempat kajian ini, iaitu Masjid Daerah Putatan, Papar, Tuaran, Kota Belud, Kudat, Sandakan, Kinabatangan, Tawau, Semporna, Lahad Datu, Kunak, Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, Tenom, Keningau dan Tambunan. Daerah Tongod, Telupid, Beluran, Pitas, Kota Marudu dan Nabawan tidak sempat dilawati untuk menjalankan kajian. Masjid Daerah Ranau pula sedang dalam pembinaan bagi menggantikan masjid lama yang rosak. Begitu juga daerah-daerah kecil tidak termasuk dalam kajian ini. Pemilihan masjid sebagai tempat kajian adalah kerana masjid dihiasi dengan pelbagai bentuk dan jenis seni kaligrafi Islam yang tersergam indah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kuantitatif melalui kajian lapangan yang dijalankan dengan mengunjungi masjid-masjid daerah di Sabah, bertujuan untuk melihat sendiri keindahan kepelbagaian jenis seni kaligrafi Arab yang terdapat di masjid-masjid tersebut. Kamera digunakan sebagai alat mengambil gambar seni kaligrafi Arab untuk dijadikan bahan dan data kajian. Dapatan kajian dianalisis dengan meneliti bentuk-bentuk dan jenis-jenis seni kaligrafi Arab di Sabah. Melalui analisis secara kualitatif, kita dapat mengenal pasti jenis-jenis kaligrafi Arab yang kurang dikenali oleh masyarakat Islam di Sabah, manakala analisis secara kuantitatif, kita dapat menghitung peratus setiap jenis khat yang dikenal pasti di masjid-masjid daerah di Sabah.

## **KAJIAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan di alam Melayu dalam bidang seni kaligrafi Arab/Islam seperti Mohd. Bakhir Hj. Abdullah (2006) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk "*Sumbangan Kaligrafi Arab Dalam Kesenian Islam: Suatu Kajian Sejarah.*" Abd Rahman Hamzah (2008) dalam bukunya

yang bertajuk *Khat & Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat*. Buku ini ditulis untuk menyingkap keagungan seni khat dan tulisan Jawi di alam Melayu. Mohd Bakhir (2007) menulis tentang sumbangan kaligrafi Arab dalam kesenian Islam. Beliau memulakan penulisan dengan menerangkan tentang sejarah kaligrafi Arab, keunikan dan sumbangannya dalam kesenian Islam. Abdul Rahman Hj. Chik Tajuddin (2011) dalam bukunya yang bertajuk *Khat dan Pena* membincangkan tentang seni khat Islam di Malaysia dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

Makmur *et al.* (2012) menulis tentang Kaedah Pengajaran Seni Khat dan Jawi di Universiti: Sistem Pengajaran Khat Nasakh dalam Unit Kajian Jawi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Mohd Adzman Omar *et al.* (2012) menulis tentang kaligrafi Islam dalam cetak kontemporari di Malaysia (Norarfan *et al.*, 2012) *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Makmur Haji Harun dan Buchari Katutu (2014) menulis tentang *Pengajaran Seni Khat dan Tulisan Jawi dalam Pendidikan Islam: Peluang, Cabaran dan Harapan*. Mursyidah Zainal Abidin *et al.* (2016) menulis tentang penggunaan seni kaligrafi Islam dalam karya seni visual di Malaysia. Ridzuan Hussin *et al.* (2017) membuat kajian tentang penilaian ke atas setiap khat mihrab masjid-masjid negeri di Malaysia. Kajian ke atas 12 buah masjid negeri di Malaysia menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bertujuan untuk mengenal pasti seni khat, menganalisis proses penghasilan khat dan hubung kaitnya dengan seni visual.


Nik Yusri Musa *et al.* (2017) mengkaji tentang kaligrafi Arab yang mana ia adalah satu seni penulisan yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Seni khat juga sebagai satu seni tulisan dalam aksara Arab berkembang maju sejajar dengan perkembangan Tamadun Islam itu sendiri, manakala Khairiah Mohamad, Khazri Osman dan Anuar Puteh (2018) menulis tentang “*Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara*.” Walau bagaimanapun, semua kajian tersebut bersifat umum dan hanya sedikit sahaja yang menyentuh seni kaligrafi Arab di Sabah seperti kajian yang dijalankan oleh Ridzuan Hussin *et al.* (2017). Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat menjawab persoalan berkaitan dengan jenis-jenis seni kaligrafi Arab di masjid-masjid daerah di Sabah.

## JENIS-JENIS SENI KALIGRAFI ARAB ATAU SENI KHAT

Seni kaligrafi atau seni khat mempunyai pelbagai gaya yang cantik dan berbeza mengikut jenisnya. Ibnu Muqlah telah mengklasifikasikan seni kaligrafi Arab kepada enam jenis tulisan utama seni khat yang berkembang dalam Islam (Makmur & Buchari, 2014). Seni khat yang utama disebut sebagai *al-Aqlām al-Sittah* yang terdiri daripada *Khat Nasakh*, *Khat Thuluth*, *Khat Riq‘ah/Ruq‘ah*,


*Khat Diwani, Khat Kufi dan Khat Farisi* atau disebut juga sebagai *Khat Nasta'liq* (Mohd Tohir Abd al-Qadir al-Kurdiy al-Makkiy al-Khattat, 1939).

### 1. *Khat Kûfi*

A sample of Khat Kûfi calligraphy, showing the word 'الخط الكوفي' (Al-Khat al-Kufi) in a highly stylized, angular script.

*Khat Kûfi* merupakan khat yang tertua bermula pada abad ke-7 Masihi dan dinamakan sebagai *Khat Kûfi* disebabkan khat tersebut terkenal dan digunakan secara meluas di daerah Kufah, Iraq sehingga abad ke-12 Masihi (Eva, 1988; Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Mohd Nor, 1995; Abd Rahman, 2008). Semasa zaman kebangkitan Islam, *Khat Kûfi* inilah yang digunakan untuk menyalin mushaf al-Quran dan menulis utusan untuk dihantar kepada kerajaan-kerajaan besar seperti Kisra di Parsi, Hercules di Rom dan juga raja Mesir. *Khat Kûfi* juga adalah bercirikan huruf-huruf yang berbentuk sudut dan bersegi atau *murabba'* (khat kubisme) dan digunakan sebagai hiasan pada kubah, menara masjid, makam, dinding bangunan dan ditulis dalam bentuk ukiran timbul. Sebelum tersebarnyanya wilayah Islam secara luas, *Khat Kûfi* adalah tulisan yang tidak mempunyai titik ataupun baris, bahkan tulisan *Kûfi* ini mempunyai dua cabang pecahannya, iaitu ditulis secara bebas yang disebut sebagai gaya *Tahrir* ataupun secara menggunakan geometri iaitu menggunakan ukuran berserta darjah kesesuaian (Ridzuan Hussin *et al.*, 2017). Selepas itu, khat ini tersebar dengan lebih meluas dalam masyarakat Arab sehingga lahirnya gaya setempat seperti *Khat Kûfi Maghribi* atau *Khat Kûfi Andalusî* (Yahya Wahhab al-Jabburi, 1994). Menurut Yasin Hamid (1978) dan Abd Rahman (2008), khat *Kûfi* memiliki empat pecahan atau kategori yang utama, iaitu *Kûfi Kuno*, *Kûfi Fā'imî*, *Kûfi Empat Segi* dan *Kûfi Moden*.

### 2. *Khat Nasakh*

A sample of Khat Nasakh calligraphy, showing the word 'خَطُّ النَّسَخِ' (Khat al-Nasakh) in a highly stylized, cursive script.

*Khat Nasakh* merupakan seni khat yang sangat halus, bahkan menjadi gaya yang paling mudah untuk dibaca serta difahami. Menurut Abd Rahman (2008), khat Naskh terbahagi kepada dua jenis utama iaitu Naskh Klasik dan Naskh Akhbar. Didin Sirojuddin A.R. (1997) menerangkan perkataan *Nasakh* adalah diambil dari akar kata *Nuskah* atau *Naskhah*. Dalam kajian Ridzuan Hussin *et al.* (2017) pula, *Nasakh* juga dikenali sebagai *Naskhi* atau dalam bahasa Turkish “Nesih”, adalah sejenis tulisan yang melengkung, yang digunakan dalam perutusan sebelum pakar khat mula menggunakannya bagi penulisan al-Quran. Hal yang demikian kerana, *Khat Nasakh* merupakan tulisan utama untuk mushaf al-Quran memandangkan gaya khat yang lain agak sukar untuk difahami melainkan jika seseorang itu benar-benar mendalaminya (Nik Yusri *et al.*, 2017).

### 3. *Khat Thuluth*

خط الثلث

*Khat Thuluth* adalah gaya penulisan kaligrafi yang tampak bertenaga yang ditulis memanjang menegak, elastik, dekoratif dan menarik yang mana dihasilkan pada kurun ke-7 dan lengkap pada kurun ke-9, semasa pemerintahan Khalifah Umayyad (Ridzuan Hussin *et al.*, 2017). *Thuluth* bermakna satu pertiga dan satu dari enam jenis tulisan khat Ibn Muqlah Shirazi yang dikenali sebagai raja khat dan telah direka bentuk semula oleh Ibn al-Bawwab dan Yaqut (Afif al-Bahnasiy, 1979). Khat jenis ini memiliki gaya yang paling indah tetapi juga paling sukar dikuasai. Tambahan lagi, kecantikan gaya khat ini digunakan bukan hanya tujuan dokumentasi, bahkan menjadi hiasan kepada dinding masjid, kelambu Kaabah dan bangunan-bangunan. Menurut Hamid (1978), Wilson (1988) dan Abd Rahman (2008), khat ini terbahagi dua jenis iaitu *Thuluth 'Ādiy*, iaitu thuluth biasa (penulisan pada permukaan yang kecil seperti buku, kulit buku, majalah, iklan dan menulis semula isi kandungan ayat al-Quran) dan *Thuluth Jaliy* (permukaan besar seperti hiasan dalaman bangunan, pintu, masjid, kelambu Kaabah di masjid al-Haram). Seni *Khat Thuluth* ditulis dengan perlahan berbanding dengan seni khat yang lain menyebabkan *Khat Thuluth* lebih utama penggunaannya dalam penghasilan karya seni berbanding khat yang lain (Mustafa Ughur Darman, 1999).

### 4. *Khat Ruq'ah/Riq'ah*

خط الرقعة


*Khat Ruq'ah/Riq'ah* adalah tulisan pantas serta ditulis di atas garisan lurus melainkan beberapa aksara huruf sahaja yang ditulis daripada atas garisan ke bawah daripada garisan iaitu huruf (م, غ, ع, ح, ج). Khat ini merupakan jenis tulisan cepat dan hampir sama dengan cara penulisan stenografi (Ilmu trengkas, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 1989). Khat ini mula diperkenalkan semasa zaman pemerintahan Sultan Abd al-Majid Khan (1280H) dalam era Kerajaan Turki Uthmaniyah. Seorang penulis khat yang berbangsa Turki iaitu Mumtaz Bik merupakan antara orang yang terawal menulis dengan gaya *Khat Riq'ah* (Mohd Bakhir Hj. Abdullah, 2006). Ia juga telah digunakan secara meluas untuk urusan rasmi pada era Kerajaan Turki Uthmaniyah. *Khat Riq'ah* direka bentuk daripada strok pendek, menghasilkan huruf yang lebih lurus dan sudut daripada bulat. Kebiasaannya, ia tidak membawa *vocalization marks* dan lebih mudah dipelajari dan dikuasai berbanding jenis-jenis khat yang lain (Ridzuan Hussin *et al.*, 2017).

5. *Khat Dīwānī*

A sample of Khat Dīwānī calligraphy, showing the word 'خط دیوانی' (Khat Dīwānī) written in a circular, cursive style.

*Khat Dīwānī* lahir pada zaman Kerajaan Turki Uthmaniyah. Khat ini merupakan suatu corak tulisan Uthmani yang telah dibangunkan oleh ahli kaligrafi Uthmaniyah pada abad ke-16 dan mencapai puncak kejayaannya pada abad ke-19. Tulisan *Khat Dīwānī* menjadi kebanggaan kepada bangsa Turki dan telah tersebar luas ke seluruh wilayah yang ditakhluki oleh kerajaan Turki Uthmaniyah (Mohd Tohir bin Abd al-Qadir al-Kurdiy al-Makkiy al-Khattat, 1939). Khat jenis ini dapat dilihat bentuknya yang melingkar-lingkar, condong bersusun-susun, hurufnya tumpang tindih, lentur dan bebas (Makmur & Buchari, 2014). *Khat Diwani* terbahagi kepada dua jenis iaitu *Dīwānī* biasa dan *Dīwānī Jalī*. *Khat Dīwānī* mula diperkenalkan selepas pembukaan kota Istanbul (Constantinople) oleh Ibrahim Munif, seterusnya disusun kaedah penulisannya dengan lebih rapi oleh Mumtaz Bik (1280 H) dalam rangka menjadikannya mudah untuk dibaca dan difahami (Nik Yusri *et al.*, 2017). Dalam kajian Nik Yusri *et al.* (2017) juga ada membincangkan tentang *Khat Dīwānī* yang dikenali sebagai *Khat al-Sultān* kerana khat ini turut dipelajari oleh sultan-sultan pada zaman Kerajaan Turki Uthmaniyah. Hal yang demikian kerana, tulisan tersebut menjadi tulisan rahsia kerajaan untuk menyampaikan maklumat kepada gabenor-gabenor mereka. Ia bertujuan untuk mengelakkan rahsia kerajaan daripada diketahui oleh musuh yang berkemungkinan berniat jahat kepada kerajaan Islam pada masa itu.

6. *Khat Fārisī*

A sample of Khat Fārisī calligraphy, showing the word 'خط الفارسی' (Khat Fārisī) written in a cursive style.

*Khat Fārisī* atau juga dikenali sebagai *Khat Ta'liq* bermula dari negara Parsi semasa pemerintahan Dinasti Safavi (1500-1800 M). Menurut sejarahnya, *Khat Farisi* sebenarnya berasal daripada tulisan kufi yang dibawa oleh penguasa-penguasa Arab zaman penaklukan Parsi, seterusnya berkembang dengan pantas di negara Parsi (Iran), Pakistan, India, dan Turki (Makmur & Buchari, 2014). Afif al-Bahnasiy (1979) menerangkan bahawa *Khat Farisi* ini mula ditulis oleh Hasan al-Farisi sekitar abad ke-4 Hijrah. Kemudian, gaya penulisannya telah diperbaharui oleh Mir Imad al-Husni di Iran dan Muhammad al-Yasari di Turki (Ahmad al-Dzahabi, 1989). Tambahan lagi, tulisan khat ini juga menjadi tulisan utama bagi mereka yang berbangsa Farsi dan ia mempengaruhi bangsa Hindi. Seseengah pendapat menyatakan *Khat Fārisī* juga dikenali sebagai *Khat Urdhu* (Nik Yusri *et al.*, 2017). Mahdi Syed Mahmud (2005) mengatakan *Khat Fārisī* merupakan gaya tulisan khat yang sedikit berbeza berbanding khat yang lain dari segi gaya penulisan dan kecondongannya. Ia ditulis lebih condong ke kiri, menjadikan seni tersebut nampak unik.



## HASIL KAJIAN

Sebanyak 17 buah masjid daerah di Sabah terlibat dalam kajian ini, iaitu Masjid Daerah Putatan, Masjid Daerah Papar, Masjid An-Nur, Daerah Tuaran, Masjid Jamek, Pekan Kota Belud, Masjid Daerah Beaufort, Masjid Imam Haji Hashim Pekan Sipitang, Masjid Nurul Hayat, Daerah Kuala Penyu, Masjid At-Taqwa, Daerah Keningau, Masjid Nurul Iman Tambunan, Masjid Ar-Rahman Tenom, Masjid Asy-Syakirin Kudat, Masjid Daerah Sandakan, Masjid Daerah Kinabatangan, Masjid Al-Kauthar, Tawau, Masjid Nurul Iman Daerah Kunak, Masjid Ar-Raudhah Lahad Datu dan Masjid Jamek Daerah Semporna. Senarai nama-nama masjid tersebut dapat dilihat melalui Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1** Senarai masjid daerah di Sabah yang terlibat dalam kajian

Bil.	Nama Masjid
1	Masjid Daerah Putatan
2	Masjid Daerah Papar
3	Masjid An-Nur, Daerah Tuaran
4	Masjid Jamek, Pekan Kota Belud
5	Masjid Daerah Beaufort
6	Masjid Imam Haji Hashim Pekan Sipitang
7	Masjid Nurul Hayat, Daerah Kuala Penyu
8	Masjid At-Taqwa, Daerah Keningau
9	Masjid Nurul Iman, Tambunan
10	Masjid Ar-Rahman, Tenom
11	Masjid Asy-Syakirin, Kudat
12	Masjid Daerah Sandakan
13	Masjid Daerah Kinabatangan
14	Masjid Al-Kauthar, Tawau
15	Masjid Nurul Iman, Daerah Kunak
16	Masjid Ar-Raudhah, Lahad Datu
17	Masjid Jamek Daerah Semporna

### *Jenis-jenis Seni Kaligrafi Arab di Masjid-masjid Daerah di Sabah*

Berikut adalah hasil kajian berkaitan jenis-jenis kaligrafi Arab atau seni khat yang terdapat di 17 buah masjid daerah di Sabah.


**Jadual 2** Kedudukan jenis-jenis seni kaligrafi Arab

Bil.	Nama Masjid	Jenis-jenis Kaligrafi/Khat						
		Nasakh	Ruq'ah	Thuluth	Dewani/ Jali	Kufi	Farisi	Lain- Lain
1	Masjid Daerah Papar		+√	√				
2	Masjid Daerah Putatan			√				
3	Masjid An-Nur Daerah Tuaran	+√		√		√		
4	Masjid Jamek Pekan Kota Belud	+√		√				
5	Masjid Daerah Beaufort			√				
6	Masjid Imam Haji Hashim, Pekan Sipitang			√				
7	Masjid Nurul Hayat, Daerah Kuala Penyu	+√		√				
8	Masjid At-Taqwa, Daerah Keningau	√				+√		
9	Masjid Nurul Iman, Daerah Tambunan			√		+√		
10	Masjid Ar-Rahman Tenom			√				
11	Masjid Asy-Syakirin, Daerah Kudat			√	√			
12	Masjid Daerah Sandakan			√				
13	Masjid Daerah Kinabatangan			√				
14	Masjid Al-Kauthar, Tawau			√				
15	Masjid Nurul Iman, Daerah Kunak			√	+√			
16	Masjid Ar-Raudhah, Daerah Lahad Datu			√				
17	Masjid Jamek, Daerah Semporna			√		+√		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1+3</b>	<b>+1</b>	<b>16</b>	<b>1+1</b>	<b>1+3</b>		


Jadual 2 menjelaskan tentang kedudukan jenis-jenis seni kaligrafi Arab atau seni khat di masjid-masjid daerah di Sabah, iaitu 17 buah masjid daerah yang terlibat dalam kajian ini. Daripada 17 buah masjid daerah yang dikaji, *Khat Thuluth* menguasai dan mendominasi 16 buah masjid (94.1 peratus). Masjid-masjid tersebut ialah Masjid Daerah Papar, Masjid Daerah Putatan, Masjid An-Nur Daerah Tuaran, Masjid Jamek Pekan Kota Belud, Masjid Daerah Beaufort, Masjid Imam Haji Hashim Pekan Sipitang, Masjid Nurul Hayat, Kuala Penyu, Masjid Nurul Iman, Tambunan, Masjid Ar-Rahman, Tenom, Masjid Asy-Syakirin, Kudat, Masjid Daerah Sandakan, Masjid Daerah Kinabatangan, Masjid Al-Kauthar, Tawau, Masjid Nurul Iman Daerah Kunak, Masjid Ar-Raudhah Lahad Datu dan Masjid Jamek Daerah Semporna. Hal ini menunjukkan betapa indahnya seni *Khat Thuluth* yang menjadi pilihan utama menghiasi masjid-masjid daerah di Sabah, manakala *Khat Nasakh*, *Khat Dīwānī* dan *Khat Kūfī* masing-masing (5.8 peratus) mendominasi sebuah masjid iaitu Masjid At-Taqwa Masjid Daerah Keningau (*Khat Nasakh*), Masjid Asy-Syakirin Kudat (*Khat Dīwānī*) dan Masjid An-Nur Daerah Tuaran (*Khat Kūfī*).

Walau bagaimanapun, terdapat juga jenis-jenis seni kaligrafi Arab sebagai tambahan dan bukan mendominasi ruangan masjid seperti *Khat Nasakh* terdapat di Masjid An-Nur Daerah Tuaran, Masjid Jamek Pekan Kota Belud dan Masjid Daerah Nurul Hayat, Kuala Penyu. Begitu juga dengan *Khat Dīwānī Jalī* terdapat di Masjid Nurul Iman Daerah Kunak. *Khat Kūfī* pula terdapat di tiga buah masjid daerah sebagai khat tambahan sahaja iaitu Masjid At-Taqwa, Masjid Daerah Keningau, Masjid Nurul Iman Tambunan dan Masjid Jamek Daerah Semporna. Ada pun *Khat Ruq'ah/Riq'ah* hanya terdapat di Masjid Daerah Papar sebagai khat tambahan, manakala *Khat Fārisī* tidak terdapat di semua masjid daerah yang dikaji. Dalam kajian ini juga terdapat satu jenis khat lain yang tidak disenaraikan dalam jenis-jenis khat yang dikaji iaitu *Khat Ijāzah* kerana ia lahir daripada campuran *Khat Nasakh* dan *Thuluth*. Khat ini terdapat di Masjid Nurul Iman, Kunak sebagai khat tambahan sahaja.

*Contoh Seni Kaligrafi Arab yang terdapat di Masjid-masjid Daerah di Sabah*



*Khat Thuluth*



**Rajah 1** Contoh seni kaligrafi Arab yang terdapat di masjid-masjid daerah di Sabah

Rajah 1 menjelaskan contoh-contoh seni kaligrafi atau seni khat dalam pelbagai bentuk iaitu *Khat Thuluth*, *Khat Dīwānī* dan *Dīwānī Jalī*, *Khat Nasakh* dan *Khat Kūfī*. Pemilihan contoh-contoh tersebut adalah berdasarkan hasil kajian yang diperolehi daripada 17 buah masjid daerah yang terpilih di Sabah. Secara umumnya, setiap jenis khat mempunyai kelebihannya tersendiri kerana tidak dinafikan setiap jenis khat bukan mudah untuk dipelajari dan dikuasai. Walau bagaimanapun, *Khat Thuluth* adalah khat yang sangat indah dan amat menarik dengan gaya bentuk susunan tulisannya. Hal ini dapat dibuktikan bahawa *Khat Thuluth* dikenali juga oleh kebanyakan penulis khat Arab sebagai raja khat, iaitu gaya yang paling indah tetapi paling sukar menguasainya (Abd Rahman Hamzah, 2008). *Khat Thuluth* juga lazimnya digunakan sebagai perhiasan dalaman bangunan dan masjid. Perkara ini terbukti dengan hasil kajian yang diperolehi mendapati kebanyakan masjid daerah di Sabah menggunakan *Khat Thuluth*.

## KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengenal pasti sekurang-kurangnya enam jenis kaligrafi Arab di masjid-masjid daerah di Sabah. *Khat Thuluth* didapati lebih banyak digunakan berbanding khat-khat yang lain. Berdasarkan dapatan kajian ini, masyarakat Sabah dapat mengenali dan mengetahui jenis-jenis kaligrafi Arab yang kaya dengan keindahan bentuknya yang menarik.

## RUJUKAN

- Abd Rahman Hamzah. (2008). *Khat & Jawi mutiara kesenian Islam sejagat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Abdul Gani Samsudin *et al.* (2001). *Seni dalam Islam*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Rahman Hj. Chik Tajuddin. (2011). *Khat dan pena*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Afif Bahnasiy. (1979). *Jamaliyah Fan al-A'rabiy*. Kuwait: Salsilah Kutub al-Thaqafiah Syahriyah Yasdiruha al-Majlis al-Watoniy Li al-Athaqafah wa al-Funnu wa al-Adab.
- Aiman Abdul Salām. (2002). *Mausu'at al-khat al-'Arabi*. Oman: Dār al-Amah.
- C. Israr. (1985). *Dari teks klasik sampai ke kaligrafi Arab*. Jakarta: Yayasan Masagung.
- D. Sirajuddin Ar. (1985). *Seni kaligrafi Islam*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Didin Sirojuddin. (2000). *Seni kaligrafi Islam*. Bandung: PT Remaja Rosdakary.
- Eva Wilson. (1988). *Islamic designs*. London: The British Museum Press.
- Fitriani, L. (2012). *Seni kaligrafi: Peran dan kontribusinya terhadap peradaban Islam*. *El Harakah*, 13(1), 1-12.
- Girling, D.A. (ed.). (1978). *Eryman's encyclopedia*. London: JM. Dent & Sons Ltd.
- Harun, Makmur & Katutu, Buchari. (2015). Pengajaran seni khat dan tulisan Jawi dalam pendidikan Islam: Peluang, cabaran dan harapan. 10.13140/RG.2.1.4026.3129.
- Ibn Khaldun. (1928). *al-Muqaddimah*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.
- Ilham Khoiri. (1999). *al-Quran dan kaligrafi Arab*. Jakarta: Logos.
- Kamus Dewan* (ed.). (1989). *Ilmu trengkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairiah Mohamad & Khazri Osman. (2018). Sejarah perkembangan seni khat dalam kesenian Islam di Nusantara. *Jurnal Fikiran Masyarakat*, 6 (1)
- M. Ugur Derman. (1990). Fann al-Khatt. Terj. Romzi Omar & Fauzi Muztafa. (2000). *Seni khat warisan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manja Mohd. Ludin & A. Suhaimi Hj. Mohd. Nor. (1995). *Aspek-aspek kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Adzman Omar *et al.* (2012). *Kaligrafi Islam dalam seni cetak kontemporari di Malaysia*. Dlm. Noararfan Zainal, Abdul Razak Abdul Kadir, Kharhan Jait & Mohd Syahiran Abdul Latif (ed.), *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Bandar Seri Begawan: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Mohd Tohir bin Abd al-Qadir al-Kurdiy al-Makkiy al-Khattat. (1939). *Tarikh Khat al-A'rabiy Wa Adabihi, Hijjaz*. Mathba'ah al-Tijariyah al-Hadithiyah.
- Mohd. Bakhir Hj. Abdullah. (2006). Sumbangan kaligrafi Arab dalam kesenian Islam: Suatu kajian sejarah. Kertas kerja *Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian*, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, 7-8 Ogos 2006, Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd. Bakhir Hj. Abdullah. (2007). Sumbangan kaligrafi Arab dalam kesenian Islam: Suatu kajian sejarah. *Jurnal Usuluddin*.
- Mursyidah Zainal Abidin *et al.* (2016). Penggunaan seni kaligrafi Islam di dalam karya seni visual di Malaysia. *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-9*, 2016, Banjarmasin, Indonesia: Lambung Mangkurat University Press.

- Musa, N. Y., Daud, I. C., Muslim, N., & Alias, J. (2017). Sejarah perkembangan seni khat dan pengaruhnya terhadap tulisan jawi di Nusantara. *Jurnal Malim, 18*.
- Mustafa Ughur Darman. (1999). *Amsyaq al-Khattat Muhammad Syauqi fi al-Thuluth wa al-Nasakh*. Istanbul: International Commission for The Preservation of Islamic Cultural Heritage.
- Nik Yusri Musa, Ilham Che Daud, Nazri Muslim & Jamsari Alias. (2017). Sejarah perkembangan seni khat dan pengaruhnya terhadap tulisan Jawi di Nusantara. *Jurnal Malim, 18*.
- Ridzuan Hussin, Asmahan Mokhtar & Abdul Razak Abdul Jabbar. (2017). Seni kaligrafi (khat) di mihrab masjid-masjid negeri Malaysia dan hubungannya dengan seni visual. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*.
- Yahya Wahhab al-Jabburi. (1994). *al-Khat wa al-Kitabah fi al-Hadharah al-A'rabiyyah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Yasin Hamid Safādi. (1978). *Islamic calligraphy*. London: Thames.